

RENTAK ALIRAN TERKINI UNTUKMU

Ratu

www.bharian.com

Sikap positif
Anuar dan Hairun
Nizah bantu
perkembangan
Alya

Oleh Siti Nur
Almizan Aripin
snur@bharian.com.my

SEKALI imbas, kelakuan dan ciri fizikal yang ada pada wajah Hani Nur Alya sama seperti kanak-kanak kecil lain. Walaupun masih belum mampu bertutur atau berjalan pada usianya yang mencecah setahun empat bulan, kelakuan dan kepintarannya sama seperti kanak-kanak seusianya.

Namun, jika diamati dengan teliti, Alya memiliki ciri penghidap sindrom down antaranya bukaan mata bujur, bengkak pada bawah gelung mata dan batang hidungnya juga leper.

Bagi Anuar Othman, 32, dan isterinya, Hairun Nizah Abdul Syukur, 34, kelahiran cahaya mata tunggal yang mesra disapa sebagai Alya itu benar-benar dinanti, namun selepas kelahiran, doktor memaklumkan bayi kecil yang disangka sihat itu berkemungkinan dilahirkan dengan masalah sindrom down.

Bukan tidak percaya, tetapi jauh di sudut hati, mereka berdoa semoga apa yang dikhabarkan itu tidak benar demi masa depan Alya, namun selepas ujian darah dijalankan, anak kecil itu disahkan sindrom down kategori Trisomi 21.

"Pada awal kelahiran, saya dan suami benar-benar tidak menyangka bayi kami sindrom down mungkin kerana ciri fizikal yang sepatutnya ada pada kanak-kanak sebegitu tidak jelas kelihatan pada wajah Alya, malah sepanjang kehamilan, doktor juga tidak mengesan sebarang keanehan pada kandungan.

"Namun, melalui ujian darah yang dilakukan menunjukkan Alya positif sindrom down, namun kami sedikit pun tidak menyalahkan takdir, malah menerima kekurangan dirinya dengan reda," kata Hairun Nizah sambil memberitahu dia mengalami dua kali keguguran sebelum melahirkan Alya.

Beliau berkata, berbeza dengan bayi sindrom down lain, Alya memang istimewa kerana dia mampu menghisap susu badan dengan sendirinya hanya selepas sehari dilahirkan dan dia juga diberikan susu badan sehingga usianya 10 bulan.

"Kami dimaklumkan oleh doktor, lazimnya bayi sindrom down berdepan masalah untuk menghisap susu atau menelan makanan sehingga memerlukan terapi pada bahagian mulut serta lidah, tetapi masalah itu tiada pada Alya, malah sehingga kini saya bersyukur kerana dia jarang sakit," katanya.

Melalui pakar sakit puan, mereka diberitahu ada rawatan terkini yang boleh dilakukan di dalam negara bagi mengurangkan komplikasi sindrom down iaitu menggunakan sel tunjang arnab.

Antara percaya dan tidak, memandangkan rawatan itu masih tiada bukti saintifik, mereka nekad untuk mencuba.

Anakku sindrom down